

**SENARAI TANGGUNGJAWAB PENGENDALI EKONOMI YANG DIIKTIRAF AEO**

**(GUDANG BERLESEN)**

*List of Responsibilities of Authorized Economic Operator (AEO)*

*(Licensed Warehouse)*

- 1. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO perlu memenuhi dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Kelulusan AEO akan ditarik balik sekiranya Pengendali Ekonomi tidak memenuhi atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh JKDM.**  
*AEO operator is required to confirm and comply with the conditions and requirements set by Royal Malaysian Customs Department (RMCD). AEO approval will be suspended or revoked if the operator does not meet the conditions and requirements set by RMCD.*
- 2. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO layak menikmati kemudahan AEO tetapi tidak boleh dinikmati oleh syarikat subsidiarinya yang belum mendapat pengiktifan.**  
*AEO operator can enjoy the AEO facilities but the facilities are not extended to its non-AEO subsidiaries.*
- 3. Pengarah-pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab sama ada secara berseorangan atau bersama ke atas sebarang kecuaian, pengabaian atau salah laku yang dilakukan oleh pekerja / wakil yang dilantik di dalam hal-hal berkaitan dengan program AEO. Tindakan penalti boleh diambil ke atas ketidakpatuhan ini.**  
*Directors / Chief Executive Officer will be jointly or severally liable for any negligence, omission or misconduct of their employees / authorized agents in matters related to AEO program. Penalty for non-compliance will be taken by customs.*

4. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO perlu memaklumkan kepada JKDM secara bertulis dalam tempoh 14 hari sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat-maklumat yang perlu dikemukakan seperti di dalam borang permohonan untuk status AEO (*Attachment 1*) dan Senarai Barang AEO (*Attachment 4*).

*AEO operator is requested to inform RMCD within 14 days in writing if there are any changes of information as per the Application for the status of AEO (Attachment 1) and List of AEO Goods (Attachment 4).*

5. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki mengikrar maklumat pengimportan, pengeksportan dan permindahan barang dengan tepat selari dengan kehendak dalam senarai semak pematuhan AEO. Syarikat dikendaki membangunkan struktur data menggunakan standard antarabangsa dengan sebaiknya, mengemukakan data dalam masa ditetapkan dan mengikrar kandungan maklumat data yang tepat. (Hanya untuk Gudang Berlesen Persendirian sahaja).

*AEO operator is required to declare accurate information related to the importation, exportation, and movement of goods in line with the AEO compliance checklist. AEO operator is expected to employ adequate international standard when developing data structure, timely submission and message content. (Applicable to Private Licensed Warehouse only).*

6. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO perlu menubuhkan unit AEO yang diketuai oleh seorang pengurus bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan yang baik selari dengan perundangan, peraturan, dan panduan yang berkaitan. Kakitangan Unit AEO syarikat hendaklah menghadiri dan lulus dengan jayanya Kursus Ejen Kastam (KEK) dan kursus-kursus berkaitan AEO. (Hanya untuk Gudang Berlesen Persendirian sahaja).

*AEO operator is required to set up an AEO unit led by at least manager level position, for the purpose of proper implementation and supervision of AEO programs in accordance with requirement of the relevant laws, regulations and guidelines. The designated AEO Unit personnel should attend and pass Customs Agent Course (CAC)'s assessment test and other AEO related courses. (Applicable to Private Licensed Warehouse only).*

- 7. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki menyimpan rekod berkaitan pengimportan, pengeksportan, permindahan barang, pembayaran duti / cukai dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk tempoh minima tujuh (7) tahun.**

*AEO operator is required to keep records of the importation, exportation, movement of the goods, payment of duty / tax, and other related documents for a minimum period of seven (7) years.*

- 8. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO hendaklah membayar duit / cukai menggunakan debit langsung melalui RHB Islamic Bank Bhd atau secara elektronik melalui mana-mana bank yang berdaftar di bawah Gerbang Pembayaran FPX (hanya untuk Gudang Berlesen Persendirian sahaja).**

*AEO operator should pay duty / tax either by direct debit via RHB Islamic Bank or by electronic bank transfer via any registered bank under the FPX payment gateway (applicable to Private Licensed Warehouse only).*

- 9. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki mendapatkan kelulusan pembelian USB Token dengan melengkapkan Borang Permohonan USB Token AEO (Attachment 6) bagi melayakkan akses Sistem AEO. Akses ke sistem AEO hanya boleh digunakan oleh kakitangan yang didaftarkan oleh syarikat sahaja (hanya untuk Gudang Berlesen Persendirian sahaja).**

*AEO operator is required to get the AEO USB Token approval letter by completing the AEO USB Token application form (Attachment 6) for AEO System access. Only the registered authorized personnel are entitled for the AEO System access (applicable to Private Licensed Warehouse only).*

- 10. Pemohonan pembaharuan USB Token perlu dikemukakan tiga (3) bulan sebelum tamat tarikh. Sekiranya permohonan dibuat kurang dari tempoh tersebut akses ke Sistem AEO akan disekat sementara proses pembaharuan dibuat (hanya untuk Gudang Berlesen Persendirian sahaja).**

*The USB Token renewal application must be submitted three (3) months before the expiry date. The AEO System will be suspended temporarily if the renewal application is submitted less than 3 months from the expiry date (applicable to Private Licensed Warehouse only).*

**11. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO boleh menggunakan perkhidmatan Ejen Kastam berstatus AEO, dan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:**

- a) mengemukakan Borang Permohonan AEO USB Token (Attachment 6) untuk Ejen Kastam berstatus AEO yang dilantik.
- b) mengemukakan surat pelantikan Ejen Kastam berstatus AEO bersama:
  - i. Surat pengesahan kakitangan syarikat Ejen Kastam berstatus AEO bersama salinan kad pengenalan dan pas kerja.
  - ii. Surat perjanjian antara Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dan Ejen Kastam berstatus AEO yang dilantik.

*AEO operator may appoints AEO customs agent to do declaration using the AEO system, and the following requirements must be adhered to:*

- a) *Submit duly completed USB Token Application Form for the appointed customs agent (Attachment 6).*
- b) *Submit an appointment letter together with:*
  - i. *AEO Customs Agent's employee confirmation letter, together with the copy of the employee Identification Card and worker pass.*
  - ii. *An agreement between the AEO Operator and the AEO Customs agent.*

**12. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki membuat pengikraran lengkap bagi pengimutan / pengekspotan / pemindahan dalam borang ikrar *Consolidated Statement (CS)* berdasarkan kepada borang ikrar '*provisional*' yang ringkas, *Permission Request Slip (PRS)* dalam tempoh yang ditetapkan. Sistem AEO akan digantung secara automatik sekiranya tidak patuh. Tindakan penalti boleh diambil ke atas ketidakpatuhan ini.**

*AEO operator is required to make a complete import/export/movement declaration in the Consolidated Statement (CS) based on the relevant provisional and simplified declaration*

*forms (PRS). The AEO system will be automatically suspended if not complied. Penalty for non-compliance will be taken by customs.*

**13. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki membayar duti / cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Sistem AEO akan disekat secara automatik sekiranya tidak patuh. Tindakan penalti boleh diambil ke atas ketidakpatuhan ini.**

*AEO operator is required to pay the duty / tax within the stipulated period. The AEO system will be automatically blocked if not complied. Penalty for non-compliance will be taken by customs.*

**14. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat pengangkutan yang berlesen di bawah Perundangan dan Peraturan JKDM dan agensi-agensi ketajaan lain yang berkaitan. Tindakan penalti boleh diambil ke atas ketidakpatuhan ini.**

*AEO operator is required to use the service of licensed transport under the RMCD and other related government agencies' Law and regulations. Penalty for non-compliance will be taken by customs.*

**15. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO dikehendaki memastikan bahawa dagangan AEO tidak bercampur dengan dagangan bukan AEO dalam satu kenderaan bagi menikmati pelepasan segera di bawah kemudahan AEO.**

*AEO operator is required to ensure that AEO's goods are not to be consolidated with non AEO's goods in one conveyance to entitle fast release under AEO facilitation.*

**16. Pengendali Ekonomi yang diiktiraf AEO perlu melaksanakan penilaian, penganalisaan dan penambahbaikan dalam polisi syarikat bagi memastikan perlaksanaan dan permantauan yang betul selari dengan perundangan, peraturan dan panduan yang berkaitan.**

*AEO operator is required to conduct regular measurement, analyses, and improvement in the company's policies for the purpose of proper implementation and supervision of AEO programs in accordance with the requirement of the relevant laws, regulations and guideline.*

**17. Pemindahan barang barang berduti / bercukai (belum berbayar duti / cukai) perlu menggunakan sil syarikat / sil perkapalan dengan pengesahan pegawai kastam yang hak di pejabat kastam penghantar dan di pejabat kastam penerima.**

*Movement of dutiable / taxable goods (duty / tax still unpaid) requires the use of the company / shipping seal. Seal Intactness endorsement should be done by the customs officers at the Outgoing Customs office and the Incoming Customs Office.*

**Saya dengan ini memahami tanggungjawab di atas dan bersetuju untuk mematuhiinya.**

I hereby fully understand the above-mentioned responsibilities and agree to abide by the conditions.

---

**Tandatangan Pengurus AEO /**  
*AEO Manager Signature*

---

**Tandatangan Pengurus Besar /**  
*General Manager Signature*

---

**Nama / Name**

---

**Nama / Name**

---

**Tarikh / Date**

---

**Tarikh / Date**

**Cop syarikat:**

*Company stamp:*